

# Sultan Brunei nafi bantu Kelantan

UM - 1 DEC 1990

UCAPAN PENUH  
PRESIDEN — MUKA 6

KUALA LUMPUR 30 Nov. — Sultan Brunei telah menafikan dakwaan bahawa negaranya akan memberi bantuan kewangan kepada kerajaan Pas-Semangat 46 di Kelantan.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucapan Presiden merasmikan Perhimpunan Agung UMNO hari ini berkata, Sultan Brunei sendiri menafikan dakwaan tersebut yang sedang disebar oleh pihak-pihak tertentu di Kelantan.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Sultan Brunei membuat penjelasan tersebut semasa lawatan baginda ke sini baru-baru ini.

"Saya mengadap Sultan Brunei dan dalam pertemuan itu baginda menjelaskan tidak terlibat sama sekali dengan apa-apa bentuk bantuan kepada mana-mana parti politik sama ada pembangkang atau kerajaan dalam pilihanraya yang lalu," kata Perdana Menteri.

Beliau menambah, Sultan Brunei juga tidak berniat sama sekali untuk memberi apa-apa bantuan seperti yang dinyatakan oleh setengah-setengah pihak itu.

Pihak-pihak yang menyebarkan dakwaan itu memberitahu para penyokong Pas dan Semangat 46 bahawa mereka tidak perlu bimbang jika Kerajaan Pusat tidak memberi bantuan kerana Brunei akan memberikan segala bantuan kewangan yang diperlukan.

Dalam ucapan dasarnya itu, Presiden UMNO itu juga menegaskan bahawa Kerajaan Pusat tidak akan berhempas-pulas untuk menolong dan menjayakan kerajaan Pas di negeri itu.

"Apakah Pas hanya sanggup bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan apabila terdesak sahaja," beliau bertanya.

Presiden UMNO itu juga mengingatkan pemimpin-pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS), Kerajaan Persekutuan tidak akan teragak-agak bertindak terhadap sesiapa saja yang menyalahi undang-undang di negeri itu walaupun akan dituduh sebagai menindas.

Beliau memberi amaran kepada PBS bahawa me-

reka tidak akan dibiarkan bebas menyalah-gunakan kuasa dan tindakan undang-undang tetap akan diambil walaupun tindakan itu akan menjadikan mereka sebagai juara.

Perdana Menteri menjelaskan, tindakan Kerajaan Persekutuan tidak membantu kerajaan Pas adalah kerana sebarang bantuan yang diberi akan digunakan oleh parti itu untuk membuktikan bahawa tidak ada ruginya memilih Pas sebagai kerajaan.

Semasa pilihanraya yang lalu, tambah beliau, bantuan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan dikatakan oleh pegawai-pegawai kerajaan negeri yang memihak kepada parti-parti lawan, sebagai bantuan mereka.

"Mereka dapat meyakinkan, tanpa bantuan Kerajaan Persekutuanpun tidak menjadi masalah kerana mereka boleh mendapat bantuan wang daripada Presiden Parti Semangat 46," katanya.

## Mesti tunaikan janji

Dato' Sri Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, Kerajaan Persekutuan tidak bercadang menghalang Kerajaan Pas di Kelantan melaksanakan beberapa tindakan, sekiranya perkara-perkara itu tidak bertakluk kepada undang-undang tertentu.

"Jika Pas berpendapat bahawa sekolah-sekolah kerajaan adalah sekular, kanak-kanak di Kelantan boleh pergi ke sekolah yang didirikan oleh kerajaan Pas," ujar beliau.

Beliau menambah, lesen-lesen untuk tempat berniaga bagi barang-barang yang Pas anggap haram boleh ditarik balik, termasuklah institusi-institusi kewangan tertentu dan pajak gadai.

Perdana Menteri mengingatkan kerajaan Pas, sebagai parti yang mendakwa berpegang kuat kepada ajaran Islam, mereka mesti menunaikan janji-janji.

Katanya: "Memang benar ada perkara-perkara yang diletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi ada janji-janji yang pembangkang buat berkenaan cukai-cukai dan lesen majlis tempatan boleh ditunaikan oleh kerajaan negeri."

**LIHAT MUKA 2**

## SULTAN BRUNEI NAFI BANTU KELANTAN

UMNO, tegas Dato' Sri Dr. Mahathir, ingin melihat Pas menghapuskan cukai-cukai ini dan jangan memberi alasan kononnya ia dibuat oleh Angkatan Perpaduan Ummah (APU) sedangkan Kelantan adalah kerajaan Pas.

Beliau menegaskan, Pas adalah anggota APU dan janji APU adalah juga janji Pas.

Menyentuh mengenai cadangan kerajaan Pas Kelantan tidak akan membenarkan wanita bekerja pada malam hari, Perdana Menteri berpendapat, sebenarnya wanita Pas tidak ada hak yang sama untuk bekerja dengan lelaki di mana-mana jua.

"Jika salah bekerja pada malam hari di luar rumah bersama-sama orang lelaki, salah jugalah di siang hari," kata beliau disambut dengan tepukan bergemuruh dari para perwakilan dan pemerhati yang penuh sesak di Dewan Merdeka.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, beliau sedih dengan tingkah-laku pemimpin-pemimpin Pas mentafsir agama Islam mengikut selera mereka.

Menurut beliau, wanita kononnya tidak boleh jadi pemimpin tetapi bila ada kepentingan, Pas akan memberi sokongan kuat kepada calon wanita untuk menjadi wakil rakyat.

Pas, tegas beliau, mendakwa bekerjasama dengan orang kafir akan menjadikan orang Islam kafir tetapi bila mereka perlu sokongan orang kafir, parti itu sedia bekerjasama.

"Apa salahnya jika bekerjasama dengan UMNO atau apakah hanya sanggup bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan apabila terdesak sahaja," tegas beliau.

Perdana Menteri bertanya, berapa lama lagikah pemimpin Pas boleh dibiarkan menipu orang Islam di negara ini dan berapa lama lagi ayat-ayat Quran dan hadis Nabi hendak diperalatkan untuk kepentingan politik beberapa kerat pemimpin Pas.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, kerjasama Semangat 46 dan Pas meningkatkan lagi kepintaran putar-belit parti tersebut kerana aqanya orang-orang yang memang ahli dalam bidang itu yang dahulu berada dalam UMNO.

Perdana Menteri berkata, UMNO rela menerima kekalahan di Kelantan tetapi sebaliknya jika Pas gagal menjadikan negeri itu maju-jaya dan aman, rakyat harus menolak parti tersebut kerana janji-janji kosong yang ditaburkan.